

Perutusan



**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

Bersyukur kehadiran ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah kurnianya Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) telah dapat menyiapkan Pelan Induk Landskap. Penyediaan pelan ini adalah selaras dengan seruan kerajaan untuk menjadikan Negara Malaysia sebuah Negara taman terindah dan menepati keperluan Garis Panduan Landskap Negara.

Pelan Induk Landskap ini bermatlamat untuk merangka program pembangunan landskap yang komprehensif bagi jangka masa 10 tahun (2005-2015) dimana dapat digunapakai untuk membantu MPJBT dalam pembentukan pembangunan landskap yang teratur dan terancang dengan adanya penyelarasan perancangan pembangunan landskap yang lengkap dan jelas.

Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah menjadi tunjang dan tulang belakang kepada kepesatan pembangunan Bandaraya Johor Bahru. MPJBT merupakan kawasan tampungan akibat tekanan pembangunan pusat Bandaraya secara tidak langsung ianya menjadi pusat tumpuan kepada kawasan petempatan, perindustrian, pendidikan, pentadbiran dan lain-lain sektor sokongan. Oleh itu, dengan adanya Pelan Induk Landskap ini, kepesatan pembangunan dan kualiti persekitaran dapat diseimbangkan secara harmoni melalui pembangunan landskap yang bersepadu.

Sembilan kawasan potensi telah dikenalpasti yang mana ianya akan menjadi fokus utama kepada strategi pembangunan landskap MPJBT iaitu; (1) kawasan pusat bandar, (2) sirkulasi dan pintu masuk utama, (3) kawasan lapang dan rekreasi, (4) kawasan pinggir sungai dan paya bakau, (5) kawasan perkampungan dan kampung-kampung baru, (6) kawasan perumahan, (7) kawasan perindustrian, (8) kawasan institusi pendidikan dan (9) kawasan pentadbiran.

Akhir kata, Pihak Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menyediakan Pelan Induk Landskap ini, khususnya kepada Jabatan Landskap Negara yang telah menyediakan peruntukan kajian dan kepakaran untuk menghasilkan kajian ini. Saya berharap dengan adanya Pelan Induk Landskap ini, wawasan '**MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH KE ARAH BANDAR TEKNOLOGI DALAM TAMAN**' akan dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.



TN. HJ. MD FUZI BIN HJ. AHMAD SHAHIMI